

**RUHANAS HARUN****PENINGKATAN KESELAMATAN BERSAMA  
MELALUI KERJASAMA DUAHALA MALAYSIA  
DAN NEGARA-NEGARA JIRAN**

*Malaysia is centrally situated in Southeast Asia and shares direct borders with five countries of the region, namely Brunei, Thailand, Singapore Indonesia and the Philippines. Currently one of the major challenges to its security is its porous borders which are difficult to control. For more than forty years, Malaysia has struggled against communist insurgency, a threat also shared by its neighbours. After the end of the communist insurgency in 1989 and the end of the Cold War, the preoccupation of security turned to non traditional security issues such as illegal immigrants, transnational crimes and the spillovers of political instability in the neighbouring countries, in addition to the issue of international terrorism in the aftermath of September 11 2001 event. To cope with all these security threats, as in the past, Malaysia adopted a policy of cooperation with the neighbours involved. This paper aims to analyse some of the main security issues that preoccupied and continues to occupy the Malaysian state and the bilateral cooperation with Philippines, Indonesia and Thailand in dealing with the security threats. It will also discuss some of the challenges involving bilateral security relations.*

*Keywords : Security, Cooperation, Challenges*

*Malaysia terletak ditengah-tengah Asia Tenggara dan berkongsi sempadan secara langsung dengan lima negara serantau iaitu Brunei, Filipina, Indonesia, Singapura dan Thailand. Salah satu daripada cabaran terhadap keselamatan negara pada masakini ialah sempadan yang sukar dikawal. Malaysia menghadapi ancaman insurgency komunis selama lebih dari empat puluh tahun, yang juga merupakan ancaman pada jiran-jiran lain. Selepas tamat insurgency komunis pada 1989 dan berakhirnya Perang Dingin, tumpuan keselamatan beralih kepada isu keselamatan bukan tradisional seperti pendatang haram, jenayah rentas sempadan dan limpahan daripada ketidakstabilan politik negara-negara jiran. Ini ditambah pula dengan isu keganasan antarabangsa selepas peristiwa September 11, 2001. Bagi menangani ancaman keselamatan tersebut, Malaysia, seperti mana sebelum ini mengambil dasar bekerjasama dengan negara-negara jiran terlibat. Kertas ini bertujuan menganalisis isu-isu utama keselamatan negara Malaysia serta kerjasama duahala dengan Indonesia, Filipina dan Thailand. Ia juga akan membincangkan beberapa cabaran yang terdapat dalam hubungan keselamatan duahala.*

*Kata kunci: Keselamatan, Kerjasama, Cabaran*

## **Pengenalan**

Keselamatan tidak lagi boleh didefinisikan hanya dalam bentuk tradisional yang mencakupi ancaman ketenteraan dan isu-isu yang berkaitan. Globalisasi menyebabkan negara-negara terpaksa bekerjasama demi menjaga kepentingan bersama, tetapi di masa yang sama mempertahankan kepentingan yang khusus bagi mereka. Keadaan ini menyebabkan bertambahnya keperluan mengekalkan hubungan baik antara negara-negara. Malaysia tidak terkecuali dalam hal ini, apatah lagi negara ini berada ditengah-tengah rantau Asia Tenggara dan mempunyai kedudukan yang strategik sebagai jambatan antara Asia Tenggara Benua dengan Asia Tenggara Kepulauan. Ia juga dikelilingi oleh beberapa negara yang tidak mempunyai kestabilan politikan yang boleh menjejaskan keselamatan Malaysia. Negara seperti Indonesia, Filipina dan Thailand adalah jiran Malaysia yang terdekat dan kesemuanya memberi dampak yang signifikan terhadap keselamatan negara Malaysia. Sejak tamat Perang Dingin, fokus keselamatan berpindah daripada ancaman keselamatan dari segi ketenteraan kepada isu-isu politik, ekonomi, dan sosial yang mempunyai dampak kepada keselamatan negara. Penyelesaian kepada masalah tersebut juga merangkumi kerjasama yang komprehensif dari segi kemampuan dan kemahuan politik. Dalam hubungan kerjasama keselamatan ini didapati Malaysia mempunyai kepentingan dan keperluan yang besar dan segera untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan. Ini menyebabkan Malaysia terpaksa mengambil inisiatif dalam menggerakkan kerjasama tersebut. Ini kerana negara ini lebih merupakan 'penerima' masalah daripada keadaan yang dinyatakan di atas. Walau bagaimanapun, Malaysia masih memerlukan sokongan dan kerjasama mereka dalam menangani masalah tersebut. Sambutan yang diberikan oleh negara-negara jiran terlibat berbeza antara satu sama lain dari segi kepentingan, komitmen, kesediaan dan semangat kejiranan. Di antara tiga negara jiran yang terlibat dalam kerjasama keselamatan dengan Malaysia, didapati negara Thailand merupakan negara yang kurang bermasalah jika dibandingkan dengan Indonesia yang membolehkan penerusan hubungan yang rapat.

## **Mendefinisi Keselamatan Negara**

Keselamatan negara merujuk kepada tujuan dan cara bagaimana sesebuah negara mempertahankan dirinya daripada ancaman dan kemampuannya mengekalkan nilai teras negara tersebut.<sup>1</sup> Walter Lipmann menganggap "*a nation is secure to the extent to which it is not in danger of having to sacrifice core values if it wishes to avoid war, and is able if challenged to maintain them by victory in such a war.*"<sup>2</sup> Arnold Wolfers pula menyatakan bahawa "*security rises and falls with the ability of a nation to deter an attack.*"<sup>3</sup> Argumentasi seperti ini menunjukkan aliran pemikiran Realist yang tertumpu

<sup>1</sup> Ruhanas Harun, 'The Evolution and Development of Malaysia's National Security' dalam Abdul Razak Baginda, *Malaysia's Defence and Security Since 1957*. Kuala Lumpur, MSCRC, 2009, hal 31.

<sup>2</sup> Cited in Barry Buzan, *People, State and Fear: The National Security Problem in International Relations*, Wheatsheaf, Great Britain, 1983, hal 216.

<sup>3</sup> Arnold Wolfers, *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*, John Hopkins Press, Baltimore, 1962, hal 150

kepada ancaman keselamatan berbentuk ketenteraan. Hari ini selepas tamat Perang Dingin dan dalam dunia globalisasi, keselamatan perlu dilihat dalam konteks yang lebih luas merangkumi isu-isu yang bukan bersifat ketenteraan. Keselamatan boleh dibahagikan kepada keselamatan tradisional dan bukan tradisional di mana keselamatan bukan tradisional kini merupakan satu komponen penting dalam politik antarabangsa. Secara ringkasnya, keselamatan kini bersifat lebih komprehensif merangkumi isu politik, ekonomi, sosial dan ketenteraan. Kebanyakan negara-negara ASEAN hari ini tidak menghadapi masalah keselamatan tradisional secara serius seperti ancaman nuklear, peperangan dan lain-lain yang melibatkan penggunaan ketenteraan. Walau bagaimanapun, rantau ASEAN masih menghadapi beberapa cabaran keselamatan, jika tidak dibendung akan menyebabkan ketidakstabilan politik, kemunduran ekonomi dan sosial negara-negara terlibat. Bekas Presiden Filipina, Ferdinand Marcos pernah menyatakan bahawa insurgensi dan bukannya serangan luar yang merupakan masalah utama bagi negara-negara ASEAN<sup>4</sup>. Negara Thailand, Filipina dan Myanmar misalnya masih menghadapi insurgensi yang datang dari beberapa kumpulan tertentu. Di Filipina, insurgensi komunis dianggap cabaran terbesar terhadap keselamatan negara tersebut walaupun ia juga menghadapi masalah lain yang tidak kurang penting iaitu ancaman keganasan, kemiskinan dan ketidakstabilan politik terutama di selatan negara tersebut. Begitu juga dengan Thailand yang menghadapi masalah di selatan Thai yang datang daripada gerakan pemisah. Myanmar pula menghadapi pemberontakan puak Karen di kawasan pedalaman yang bersempadan dengan China. Indonesia sebelum ini menghadapi ancaman pemisah dari Aceh dan Timor Timor, namun isu ini telah pun diselesaikan.

Ketiadaan ancaman dari segi ketenteraan dan serangan luar tidak bererti negara-negara ASEAN bebas dari ancaman terhadap keselamatannya. Sejak tamat Perang Dingin, masalah keselamatan menjadi isu yang lebih luas merangkumi masalah seperti pelanunan, pendatang haram, penyeludupan senjata dan barangan, perdagangan manusia dan lain-lain bentuk jenayah rentas sempadan yang menimbulkan kebimbangan kepada pemerintah di negara-negara terlibat. Bagi Malaysia, kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat penting bagi mengekalkan keamanan dan menjamin keselamatan negara. Namun ia tidak boleh lari daripada tempias ketidakstabilan politik dan kemerosotan kesejahteraan beberapa negara jiran yang boleh memberi implikasi ke atas keselamatan negara. Keselamatan rejim (*regime security*) tidak dapat dipisahkan dari keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Isu-isu sosial dan ekonomi yang tidak diselesaikan akan menjadi masalah kepada keselamatan negara.

### **Kedudukan Geografi Malaysia Dan Impliksi Keselamatan**

Untuk menangani masalah ini, Malaysia memerlukan kerjasama yang rapat dengan negara-negara jiran tersebut sama ada dalam kerangka hubungan duahala (*bilateral*) atau pun pelbagai hala (*multilateral*). Walau bagaimana pun pada masa ini negara-negara serantau lebih cenderung mengadakan kerjasama duahala mengenai isu keselamatan bersama. Kerjasama keselamatan duahala antara Malaysia dan negara-negara jiran telah membolehkan sebahagian besar daripada isu tersebut ditangani secara berkesan, namun

---

<sup>4</sup> Michael Leifer, 'Is ASEAN a security Organisation?' dlm. Sharon Siddique & Sree Kumar ( penyunting ) *The 2<sup>nd</sup> ASEAN Reader*. ISEAS, Singapore, 2003.

Malaysia masih memikul beban yang berat sebagai ‘penerima’ masalah kerana kedudukannya yang berada di tengah-tengah rantau ASEAN, kesukaran mengawal sempadan maritim yang luas dan kemakmuran ekonomi yang menarik kedatangan orang asing ke negara ini. Dalam menangani masalah keselamatan, negara-negara ASEAN lebih memberi perhatian berdasarkan cara *ad hoc* yang di luar daripada struktur yang formal. “*Apart from exchanges of information between intelligence communities and occasional joint military exercises between two and at the most three states, substantive military cooperation has taken place among common borders straddled by the insurgent activities.*”<sup>5</sup> Ini menunjukkan pentingnya kerjasama duahala dalam isu-isu keselamatan. Ia juga menunjukkan kepentingan kawasan sempadan sebagai kawasan keselamatan yang sensitif yang memungkinkan pelbagai kegiatan yang menggugat keselamatan negara.

Jika masalah keselamatan yang bersifat ketenteraan seperti insurgensi merupakan ancaman bersama yang boleh dikenalpasti, tidak begitu dengan ancaman keselamatan bukan tradisional. Dalam hal ini, sukar bagi negara-negara mencapai kata sepakat mengenai ancaman bersama (*common threat*). Isu seperti kebanjiran pendatang asing termasuklan pendatang haram adalah isu yang sukar dikenalpasti sebagai ancaman bersama kerana kesannya adalah berbeza daripada negara ke satu negara lain. Kerjasama duahala dalam menangani isu-isu keselamatan, baik tradisional mahu pun bukan tradisional merupakan cara yang terbaik dan praktikal di kalangan negara serantau kerana ketiadaan mekanisme yang efektif dalam ASEAN untuk tujuan tersebut. Lagipun dasar ‘non-interference’ ASEAN tidak menggalakkan pertubuhan tersebut mengambil inisiatif penyelesaian apabila sesuatu isu dianggap sebagai isu dalaman negara anggota. Asumsi inilah yang menjadi teras untuk mengatakan bahawa peningkatan kerjasama duahala merupakan cara yang paling berkesan untuk menangani isu keselamatan antara Malaysia dan negara-negara jiran. Kedudukan geografi Malaysia dan dasar mengelak daripada berkonflik dalam hubungan luarnya adalah antara faktor utama yang mempengaruhi Malaysia dalam pengurusan keselamatan kawasan sempadan secara aman dan bekerjasama.

Malaysia bersempadan dengan beberapa buah negara di rantau ASEAN. Di sebelah utara ia mempunyai sempadan darat sepanjang dengan negara Thailand, sementara Selat Tebrau yang kecil memisahkannya dari Singapura. Di timur, Malaysia mempunyai sempadan maritim dengan Filipina iaitu di perairan Borneo di mana terdapat banyak pulau yang besar dan kecil yang memberi kesan penting dari segi keselamatan. Brunei Darussalam berkongsi sempadan darat dengan Malaysia. Jiran Malaysia yang terbesar ialah Indonesia, di mana ia berkongsi sempadan darat dan maritim yang panjang. Geopolitik amat penting dalam hubungan antarabangsa dan mempunyai implikasi besar kepada pengurusan keselamatan. Dari segi ini kedudukan Malaysia amat strategik kerana ia bersempadan dengan banyak negara dan merangkumi sempadan laut dan darat. Kemudahan perhubungan dan pengangkutan yang menghubungkan Malaysia dan negara-negara jiran menjadikan ia lebih terdedah (*vulnerable*) kepada ancaman luar secara langsung dan tidak langsung. Begitu juga sempadan yang senang dibolos dan terdapat kawasan yang masih menjadi pertikaian atau rebutan antara negara-negara serantau. Malaysia juga berjiran dengan negara-negara yang mempunyai perkaitan sejarah dan persamaan kebudayaan, bahasa dan agama yang menyebabkan ia terkesan jika berlaku sebarang perubahan sosial dan politik negara-negara tersebut.

---

<sup>5</sup> Ibid. hal. 267.

Jiran terdekat Malaysia (selain Singapura) ialah Thailand. Sempadan darat Malaysia-Thailand meliputi kawasan yang bersempadan dengan negeri-negeri di utara Malaysia Kelantan, Perlis, Kedah dan Perak. Di kawasan sempadan ini terdapat pelbagai aktiviti dan interaksi ekonomi dan sosial yang berjalan sejak begitu lama antara penduduk kedua belah sempadan. Walau pun aktiviti dan interaksi ini membawa kebaikan kepada ekonomi dan keakraban hubungan rakyat, ia juga mengundang banyak ancaman dari segi keselamatan. Malaysia sebagai negara yang berada di tengah-tengah 'gelanggang' terpaksa menghadapi pelbagai masalah yang timbul dari keadaan ini. Begitu juga dengan Filipina di mana Malaysia berkongsi sempadan maritim dengan negara tersebut di perairan Borneo yang mempunyai ribuan pulau kecil yang sesetengahnya tidak ada penduduk. Jarak sempadan maritim yang terdekat antara Malaysia dan Filipina hanya beberapa kilometer sahaja. Ini menyebabkan kesukaran bagi Malaysia mengawal keselamatan di perairan dan di pulau-pulau kepunyaannya. Malaysia juga bersempadan dengan dua buah negara kecil, iaitu Singapura dan Brunei Darussalam. Walau pun Malaysia dan Singapura dipisahkan oleh Selat Tebrau, kedua-duanya mempunyai hubungan rapat melalui kemudahan perhubungan dan pengangkutan jalan dan laluan keretapi. Lagipun di antara kedua negara tersebut, terdapat banyak persamaan di antara mereka dari segi sosial, ekonomi, politik yang tidak memberi kesan negatif kepada keselamatan Malaysia. Begitu juga dengan Brunei Darussalam, sebuah negara kecil yang bersempadan dengan Malaysia Timur dan mempunyai persamaan yang banyak dari segi bahasa, etnik, agama, budaya dan sosial. Oleh itu tidak hairanlah kedua-dua negara mempunyai hubungan politik dan sosial yang akrab. Kekayaan Brunei dan jumlah penduduknya yang kecil tidak menjadikan negara itu sebagai 'pengeksploitasi masalah' yang boleh menjejaskan keselamatan Malaysia.

Keadaan ini berbeza dengan Indonesia. Negara jiran terbesar ini mempunyai penduduk seramai 230 juta orang yang menjadikannya negara terbesar di rantau ASEAN. Malaysia mempunyai sempadan darat dan maritim yang luas dengan Indonesia. Ini menimbulkan banyak masalah bukan sahaja dari segi menjaga keselamatan sempadan wilayah, tetapi juga dari segi perhubungan kedua-dua negara. Di sebelah barat, Selat Melaka yang dianggap warisan maritim bersama memisahkan Malaysia dari Sumatera. Begitu juga Selat Sunda di selatan memisahkan Malaysia dari pulau Jawa, pusat kebudayaan dan politik Republik Indonesia. Di timur pula, Malaysia dan Indonesia berkongsi sempadan darat yang luas yang memisahkan wilayah Kalimantan dengan Sarawak dan Sabah. Tidak cukup pemisahan dari segi sempadan wilayah, Malaysia dan Indonesia juga terpisah dari segi sejarah apabila kedua-dua negara di jajah oleh penjajah yang berbeza dengan konsekuensi politik yang menambah kepada pemisahan secara geografi. Namun diantara mereka masih terdapat banyak persamaan dari segi bahasa, kebudayaan, etnisiti dan agama yang memberikan kebaikan dan kelebihan dalam hubungan dua hala di samping memudahkan hubungan keselamatan. Walau bagaimanapun Indonesia juga merupakan punca kepada masalah keselamatan negara Malaysia.

## Isu-Isu Keselamatan: Limpahan Ketidakstabilan Politik Dan Masalah Negara Jiran

Terdapat beberapa isu besar yang boleh digolongkan dalam isu keselamatan baru yang kini semakin diberi perhatian dalam hubungan antarabangsa. Bagi negara-negara ASEAN, termasuk Malaysia, “*many non-traditional security issues have long been their concerns with emphasis on freedom from want, similar to UNDP’s definition of human security.*”<sup>6</sup> Keselamatan bukan tradisional merangkumi pelbagai aspek termasuklah pembangunan ekonomi dan perkembangan sosial serta kesannya. Pembangunan ekonomi misalnya membawa kepada kemunculan isu-isu keselamatan baru termasuklah “*environmental degradation, resource depletion, and looming food, water and energy scarcity. These security threats, along with ethnic problems may well generate mass migration, mostly illegal.*”<sup>7</sup> Hari ini Malaysia belum lagi sampai ke tahap tersebut, walaupun ia menghadapi masalah kebanjiran pendatang asing. Selain daripada isu-isu tersebut, globalisasi menghasilkan masalah jenayah rentas sempadan (*trans-national crimes*) yang muncul dalam pelbagai bentuk. Sebagai definisi, isu keselamatan rentas sempadan pula ialah aktiviti-aktiviti yang dilakukan merentas sempadan negara yang boleh menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara secara langsung atau tidak langsung. Antara isu keselamatan tersebut yang menimbulkan kebimbangan kerajaan Malaysia ialah penyeludupan barangan terlarang dan manusia, kegiatan menyeludup dadah, jenayah siber (*cyber crime*), keganasan dan rompakan di laut. Aktiviti-aktiviti tersebut dianggap sebagai isu keselamatan non-tradisional kerana ia melibatkan keselamatan penduduk dan kestabilan politik negara yang menerimanya.

Malaysia dikelilingi oleh negara-negara yang bermasalah dari segi kestabilan politik dan sosial. Dalam konteks ini, Thailand, Indonesia dan Filipina merupakan negara berjiran yang memberi kesan langsung pada Malaysia. Thailand masih bergelut dengan ketidakstabilan dan keganasan di wilayah selatan sejak sekian lama dan belum ada tanda-tanda yang ia akan reda. Begitu juga Filipina yang bukan sahaja menghadapi keganasan di selatan, tetapi juga masih berhadapan dengan ancaman insurgensi komunis yang dianggap sebagai ‘musuh nombor satu negara’.<sup>8</sup> Ketidakstabilan dan keganasan yang berlaku di wilayah selatan Filipina, kesulitan ekonomi yang dihadapi negara tersebut adalah di antara sebab kebanjiran rakyat Filipina di Malaysia Timur, terutama di Sabah. Pendatang asing memberi cabaran terhadap infrastruktur negara selain dari masalah sosial.

### Pendatang Asing Dan Implikasi Keselamatan

Isu kebanjiran pendatang asing di Malaysia bukanlah perkara baru. Ia bermula sejak lama lagi, tetapi begitu ketara sejak 1980-an apabila Malaysia mula menjadi tumpuan kepada rakyat Indonesia yang datang bekerja secara sah dan secara haram yang tertarik dengan kemakmuran ekonomi dan keamanan negara ini. Malaysia muncul sebagai salah sebuah ekonomi maju di Asia (*Newly Industrialised Country-NIC*) dan mampu memberi peluang

<sup>6</sup> Kusuma Snitwongse & Suchit Bungbongkarn, ‘New Security Issues and the Impact on ASEAN’ dlm. Sharon Siddique & Sree Kumar ( penyunting) , *The 2<sup>nd</sup> ASEAN Readerm*, ISEAS, Singapore 2003, hal. 289.

<sup>7</sup> Ibid.

<sup>8</sup> Ruhanas Harun, *New Straits Times*, 14 September 2008.

pekerjaan dan perniagaan kepada rakyatnya dan orang asing. Untuk membangun ekonominya, Malaysia memerlukan tenaga kerja baik yang telatih mahupun yang kurang terlatih. Ini boleh didapati dari negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Vietnam yang mempunyai penduduk yang besar berbanding dengan Malaysia.

Indonesia merupakan pengeksport sumber tenaga kerja terbesar kepada Malaysia. Kehadiran ramai rakyat Indonesia di Malaysia berdasarkan faktor *'push and pull'* dan merupakan sesuatu yang *'natural'* bukan sahaja kerana dua negara tersebut adalah jiran dekat dari segi geografi, tetapi juga mereka mempunyai persamaan dari segi sosial, etnisiti dan bahasa yang memudahkan integrasi pendatang dengan rakyat setempat. Lagipun keadaan ekonomi dan politik di Indonesia tidak membolehkan negara itu memberi pekerjaan yang cukup kepada rakyatnya. Pada masa ini dianggarkan terdapat 3 juta rakyat Indonesia di negara ini, lebih dari sejuta daripadanya adalah pendatang haram (tidak berdokumen).<sup>9</sup> Berdasarkan kepada keadaan saling memerlukan inilah maka kerajaan Malaysia memberikan keutamaan untuk mengimport tenaga kerja Indonesia yang seterusnya membanjiri negara ini sama ada secara sah atau pun secara haram. Pendatang asing dari Indonesia bekerja terutama sekali di sektor pembinaan dan pembantu rumah. Ramai juga yang mendirikan perniagaan kecil di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Kajang, Seremban dan lain-lain terutama di negeri-negeri yang menjadi tumpuan mereka iaitu, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan.

Pada peringkat awal, kehadiran pendatang ini tidak menimbulkan sebarang masalah besar dari segi politik dan keselamatan, namun setelah beberapa tahun, kehadiran pekerja Indonesia di Malaysia menjadi isu politik dan keselamatan yang mengganggu hubungan kedua negara. Kehadiran mereka yang ramai menimbulkan beberapa masalah keselamatan, terutama dari segi kesejahteraan masyarakat. Terdapat persepsi yang menebal di kalangan masyarakat mengenai kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang rakyat Indonesia di negara ini. Walaupun tidak ada statistik lengkap yang menunjukkan perkaitan antara pendatang asing dan jenayah, namun terdapat kajian yang menunjukkan kebanjiran pendatang asing menyebabkan peningkatan jenayah, terutama yang dilakukan oleh rakyat Indonesia di negara ini.<sup>10</sup> Namun secara keseluruhannya rakyat Malaysia lebih selesa dengan pembantu rumah Indonesia kerana persamaan sosial dan bahasa yang memberi kemudahan dari segi komunikasi dan cara hidup.

Selain daripada Indonesia, Malaysia turut menerima tenaga buruh dari Filipina. Tumpuan pendatang asing Filipina di Malaysia ialah di Sabah. Keadaan di Sabah amat membimbangkan di mana terdapat ramai pendatang asing. Mengikut laporan terbaru, pendatang asing di Sabah adalah seramai 610, 104 berbanding dengan penduduk Sabah yang berjumlah 3.4 juta orang.<sup>11</sup> Daripada jumlah ini, seramai 317,837 adalah mereka yang tidak mempunyai dokumen, sementara seramai 230,000 terdiri dari mereka yang bekerja di negeri itu secara sah. Jumlah yang besar ini tidak memeranjatkan kerana

<sup>9</sup> *The New Straits Times*, 10 September, 2009.

<sup>10</sup> Statistik menunjukkan peningkatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang asing daripada 1,333 kes pada 1992 kepada 3,113 pada 2002. Sebanyak 62% dari jumlah ini dilakukan oleh rakyat Indonesia. Mustafa Kamal Wahab. *Major Issues in Malaysia-Indonesia Relations in post reformasi era*. Unpublished MA thesis, UKM 2008, hal. 54.

<sup>11</sup> *The Star*, 19 October 2009.

sebahagian besar pekerja ladang dan binaan terdiri dari rakyat asing. (80% pekerja ladang terdiri dari rakyat Indonesia, sementara 70% pekerja binaan datang dari Filipina).<sup>12</sup> Walaupun jumlah pendatang asing begitu besar, pemimpin-pemimpin Sabah tidak bimbang dengan perkara ini kerana keperluan mengisi kekosongan pekerjaan di bidang-bidang tersebut. Ketidakstabilan politik di Selatan Filipina dan keadaan ekonomi di Malaysia yang lebih baik menyebabkan mereka memilih untuk datang ke negara ini. Tidak dinafikan juga faktor geografi yang memberi kemudahan kepada mereka untuk masuk ke negara ini. Kehadiran pendatang Filipina ke Malaysia kurang mendapat liputan jika dibandingkan dengan rakyat Indonesia. Salah satu sebab ialah kehadiran mereka tertumpu kepada beberapa kawasan di Sabah dan sedikit di Semenanjung Malaysia. Satu sebab lain yang boleh diajukan ialah mereka tidak mendapat liputan akhbar. Ini berbeza dengan pekerja asing Indonesia yang terlibat dalam kes-kes penderaan yang mendapat liputan besar akhbar Indonesia walaupun kes tersebut tidak begitu banyak. Secara umumnya tenaga kerja Filipina yang bekerja sebagai pembantu rumah lebih terlatih daripada pekerja Indonesia, jadi masalah yang timbul juga berkurangan antara mereka dan majikan.

Negeri Thai juga terkenal sebagai pembekal pekerja kepada Malaysia walau pun jumlahnya tidaklah setinggi pekerja asing Indonesia dan Filipina. Terdapat dua kumpulan pekerja asing dari Thailand, iaitu mereka yang datang secara sah dan kumpulan pendatang haram. Pekerja asing rakyat Thailand meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 2001, statistik menunjukkan seramai 2,508 rakyat Thailand bekerja di Malaysia. Jumlah terbesar sejak tahun 2001 hingga 2007 ialah pada tahun 2002 di mana terdapat seramai 20, 599 rakyat Thailand yang bekerja di negara ini. Walau bagaimanapun angka ini berkurangan selepasnya hinggalah pada tahun 2007 jumlah mereka ialah seramai 18, 456.<sup>13</sup> Dari segi Pendatang Tanpa Izin (PATI) yang berasal dari negara Thailand, jumlah kemasukan mereka tidaklah begitu ramai berbanding dengan Indonesia. Pada 2006, jumlah mereka hanyalah lebih dari 3,000 yang dapat dikesan. Kekurangan ini mungkin disebabkan kecekapan pengawalan sempadan dan kerjasama kedua-dua pihak Malaysia dan Thailand dalam memastikan keselamatan sempadan terkawal. Selain daripada Thailand, Vietnam juga adalah negara pembekal tenaga pekerja bagi Malaysia. Beberapa perjanjian telah ditandatangani antara Malaysia dan Vietnam mengenai hal ini. Pada tahun 2007 terdapat kira-kira 120,000 orang tenaga kerja Vietnam dan jumlah ini berkurangan pada 2009. Secara umumnya, pekerja Vietnam tidak menjadi isu keselamatan dan tidak juga menjadi isu dalam hubungan duahala Malaysia-Vietnam.

Pendatang asing di Malaysia dianggap sebagai isu keselamatan hanya apabila terdapat kehadiran mereka yang ramai dan tidak terkawal, terutama yang datang tanpa dokumen sah. Perkara ini serius terutama dengan rakyat Indonesia yang masuk ke Malaysia yang sering menimbulkan permasalahan dan ketegangan dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Selain dari itu ia juga menimbulkan rasa tidak senang hati rakyat Malaysia apabila pihak Indonesia dilihat sebagai menekan kerajaan Malaysia dalam isu-isu berkaitan dengan tenaga kerja Indonesia di negara ini. Contoh yang paling ketara ialah mengenai pembantu rumah Indonesia yang didera oleh majikan Malaysia. Walaupun ini bukan perkara yang biasa berlaku, akhbar-akhbar Indonesia memberi

---

<sup>12</sup> *The Star*, 20 October 2009.

<sup>13</sup> Statistik Jabatan Imigresen, dipetik dari Zamri Hashim, *Pengurusan Sempadan Malaysia –Thai*, MA thesis, Universiti Malaya 2008 (tidak diterbitkan), hal 66.



gambaran seolah-olah ini adalah lumrah dan Malaysia seolah-olah memandang rendah rakyat Indonesia. Namun isu pembantu rumah tidak merupakan isu keselamatan negara Malaysia. Yang menimbulkan kebimbangan ialah golongan PATI yang terlibat dalam pelbagai kes jenayah ringan dan berat. Jelas dalam hubungan Malaysia dengan Indonesia, Filipina dan sedikit sebanyak Thailand, kebanjiran pekerja dan pendatang asing memerlukan pengurusan yang cekap agar ia tidak menggugat hubungan antara mereka. Dalam hal ini pengawasan sempadan amat penting bagi membendung kebajikan ini dan masalah-masalah lain yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Selain daripada isu pendatang asing, terdapat beberapa isu lain yang memberi implikasi penting kepada keselamatan negara. Ini termasuklah aktiviti-aktiviti seperti penyeludupan, pelanunan dan rompakan laut, serangan dari kumpulan bersenjata dan keganasan antarabangsa. Semua kegiatan ini bersifat rentas sempadan dan mempunyai kesan penting ke atas hubungan dan kerjasama dua hala Malaysia dengan negara-negara jiran demi menjaga keamanan dan keselamatan.

### **Kerjasama Keselamatan Malaysia-Filipina**

Pertikaian yang melibatkan kawasan sempadan dan persempadanan antara Malaysia dan negara-negara jiran memberi impak besar dari segi diplomasi dan keselamatan negara. Sehingga kini isu-isu di kawasan sempadan telah dbincangkan dalam pertemuan antara Malaysia dan pihak luar yang terlibat. Kawasan sempadan menghadapi masalah seperti jenayah rentas sempadan pembolosan sempadan oleh pendatang asing. Kawasan yang paling sukar dikawal ialah perairan Sabah yang berdekatan dengan Filipina. Masalah yang terdapat di sini termasuklah penyeludupan, kegiatan, lanun dan rompakan laut, kemasukan pendatang tanpa izin dan serangan dari kumpulan bersenjata.

Masalah keselamatan yang berkaitan dengan keganasan dan serangan oleh kumpulan-kumpulan jenayah mendapat perhatian kedua-dua negara. Pada 23 April 2000, sekumpulan anggota Kumpulan Abu Sayyaf (ASG) telah menculik dan menahan 21 orang pelancung di sebuah pusat peranginan di Pulau Sipadan, Sabah. Kerajaan Filipina pimpinan Gloria Arroyo-Macapagal mengarahkan supaya masalah tersebut segera ditangani. Angkatan Tentera Filipina telah menghantar lebih ramai anggota ke kawasan Filipina Selatan dengan bantuan ketenteraan dari Amerika Syarikat dan partisipasinya dalam operasi 'Exercise BALIKAN'. Strategi ini telah berjaya menumpaskan kegiatan Abu Sayyaf di Selatan Filipina, termasuklah ketua kumpulan penculikan yang dilakukan di Sabah, Abu Sabaya di bunuh.<sup>14</sup>

Berikutan daripada peristiwa ini, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melancarkan operasi mengawal kawasan perairan tersebut. Walau bagaimanapun ini tidak menggentarkan pengganas kerana pada 11 September 2000, satu lagi serangan oleh Abu Sayyaf dilakukan di Pulau Pandanan. Kejadian kedua ini menunjukkan kerapuhan sempadan perairan Malaysia dan menimbulkan kebimbangan keselamatan yang serius di pihak kerajaan Malaysia, lantas dilancarkan operasi besar-besaran membantras kegiatan jenayah seperti ini. Operasi yang dikenali sebagai 'OPERASI PASIR' (OPS PASIR) ini dimulakan pada 18 September 2000. Kawasan 'OPS PASIR' merangkumi seluruh

---

<sup>14</sup> Taklimat kepada Maktab Turus Angkatan Tentera di 5 BIM Headquarters, Kota Kinabalu, Sabah, 18 April 2006.

kawasan pantai timur Sabah sepanjang 1577 kilometer, Wilayah Perairan Malaysia, Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan ruang udara dari Kudat hingga Tawau, Sabah. Di utara pula kawasan operasi ini termasuklah sempadan Laut China Selatan dan Selat Balabac di Filipina. Manakala di timur pula ia meliputi sempadan Laut Sulu dan Laut Sulawesi. Dalam operasinya, 'OPS PASIR' mengamalkan strategi menempatkan anggota keselamatan (Tentera Darat dan Polis) di pulau-pulau yang mempunyai kedudukan strategik bagi mengawal pergerakan penjenayah. Anggota Tentera Laut (TLDM) dan Tentera Udara (TUDM) ditugaskan untuk membuat rondaan laut (*sea patrol*) dan rondaan udara. Tujuan operasi OPS PASIR ialah '*to deter armed intruders into Malaysian waters along the east coast of Sabah*'.<sup>15</sup> Operasi ini berkonsepkan kepada mempertahankan pulau-pulau strategik dan non-strategik, pulau peluncuran dan kawasan pantai melalui rondaan maritim pada siang dan malam hari.<sup>16</sup>

Di pihak Filipina, tugas pengawasan wilayah perairan dan sempadannya dengan Malaysia menjadi tanggungjawab Tentera Laut Filipina, terutama Angkatan Laut Mindanao Barat (*Naval Forces Western Mindanao- NAVFORWEM*). Terdapat kerjasama duahala yang berkesan antara Malaysia dan Filipina dalam pengawasan aktiviti pelanunan melalui latihan bersama, koordinasi Angkatan Udara kedua negara dan Jawatankuasa Rondaan Sempadan (*Border Patrol Committee Group - BPCG*). Walau pun terdapat kemahuan politik untuk bekerjasama dalam menghadapi ancaman lanun dan rompakan laut, Malaysia dan Filipina juga menghadapi cabaran untuk menjayakan sepenuhnya inisiatif ini. Ia dibendung oleh kekurangan kapasiti dari segi sumber untuk mengawal kawasan yang begitu luas. Keadaan politik yang tidak stabil di selatan Filipina juga menimbulkan kesan negatif kepada keselamatan Malaysia Timur, khususnya Sabah.

Kerjasama Filipina dan Malaysia dalam menjaga keselamatan perairan dan sempadan bersama termasuklah penubuhan '*Coordinated Maritime Patrol*' (Rondaan Maritim Terkoordinasi) di sepanjang sempadan bersama kedua negara. Selain daripada Tentera Darat, agensi kerajaan lain yang terlibat termasuklah Polis Marin, Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam serta Angkatan Udara dan Laut kedua negara.<sup>17</sup> Hubungan kerjasama antara Filipina dan Malaysia menunjukkan persefahaman mengenai ancaman keselamatan terhadap kedua negara yang datang daripada kelemahan kawalan sempadan. Untuk menjamin keadaan yang lebih baik, kerjasama ini dipertingkatkan dari masa ke semasa. Pada bulan April 2003, kedua-dua negara mengadakan mesyuarat ke 10 '*Malaysia-Philippines Border Patrol Coordination Group Meeting*' (Mesyuarat Jawatankuasa Koordinasi Rondaan Sempadan Malaysia-Filipina). Antara isu-isu yang dibincang ialah pembaharuan SOP (*Standard Operational Procedures*), membantras kegiatan pelanunan, penyeludupan, pendarat haram dan aktiviti perikanan secara haram. Kedua-dua negara juga mempunyai kerjasama rapat melalui '*Philippines-Malaysia Border Coordination*' dan '*Malaysia-philippines Defence Coordination*' di

<sup>15</sup> Enam tugas strategik yang dipertanggungjawabkan kepada TLDM dalam OPS PASIR ialah menghalang pembolosan, penculikan dan rompakan laut oleh kumpulan bersenjata di kawasan operasi; menjejaki, mengenalpasti, menghalang dan menyekat, jika perlu menembak kumpulan bersenjata dan penyokong mereka yang menceroboh perairan Malaysia; mengadakan rondaan agresif dan mengadakan pos pemerhati malam dan siang; menahan pelarian yang mendarat di pulau dan seterusnya menyerahkan mereka kepada polis; memantau dan menghalang semua bentuk penyeludupan; memantau dan menghalang semua bentuk bom ikan dan kemusnahan kepada ekologi marin.

<sup>16</sup> Ibid

<sup>17</sup> KESBAN Report, Ex-KAJIMATAN 35/2006, Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia, hal 2-5

mana tentera laut kedua negara bekerjasama menentang aktiviti haram di sempadan bersama serta mengadakan latihan bersama dan rondaan terkoordinasi. Di pihak Malaysia, aktiviti dan operasi ini termasuk dalam tanggungjawab HQ COMNAV 2 (Ibu Pejabat Pemerintah Tentera Laut 2) yang mempunyai hubungan terus dengan Pemerintah Tentera Laut Filipina Selatan (*Philippines Navy Southern Command*) yang bertempat di Zamboanga, Mindanao. Kedua-dua pihak juga bertukar maklumat perisikan (*intelligence*). Contoh keberkesanan kerjasama ini dapat dilihat semasa serangan Abu Sayaf ke atas Pandanan Island di mana COMNAV 2 telah diberitahu oleh Philippines Navy Southern Command dalam masa dua jam kejadian tersebut berlaku. Ini membolehkan HQ COMNAV 2 Malaysia dengan segera memberi amaran kepada pasukan keselamatan Malaysia dan seterusnya menghantar pasukan mereka sebelum kumpulan penculik tersebut masuk ke sempadan Malaysia.<sup>18</sup>

Kawasan perairan selatan Filipina dan Malaysia Timur merupakan salah satu kawasan pelanunan yang tinggi di dunia. Di Malaysia Timur, ia meliputi beberapa kawasan di Sabah iaitu Bahagian Kudat, Bahagian Sandakan dan Bahagian Tawau. Kawasan-kawasan ini di anggap sebagai kawasan 'ancaman tinggi' (High Threat areas) oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).<sup>19</sup> Kesukaran mencegah pelanunan di kawasan sempadan perairan Malaysia-Filipina disebabkan keujudan banyak pulau di kawasan itu yang boleh dijadikan tempat persembunyian lanu. Kumpulan lanun dan penjenayah juga mempunyai peralatan yang canggih seperti bot-bot laju, senjata dan alat komunikasi moden. Senjata yang digunakan termasuklah pisau dan 'rocket launchers', senapang AK47 dan M16.<sup>20</sup> Mereka juga mempunyai rangkaian 'pasar gelap' yang membolehkan mereka menjual barangan yang dirompak dengan segera dan menyelaras kegiatan mereka.

Sebelum dan selepas berlaku kejadian tersebut, kebimbangan mengenai keselamatan di Sabah ialah tertumpu kepada kemasukan pendatang asing, terutama pendatang tanpa izin (PATI). Hari ini Sabah mempunyai lebih dari 600,000 pendatang, termasuklah PATI. Sebahagian besar daripada mereka datang dari Filipina. Sabah menjadi tarikan kepada pendatang Filipina kerana beberapa sebab. Salah satu ialah negeri itu mempunyai sempadan perairan bersama dengan Filipina dan kedudukan geografi yang dekat dengan negara tersebut. Selain daripada itu, terdapat pertalian rapat dari segi etnik, kebudayaan dan kekeluargaan antara orang-orang Sabah dengan orang Filipina Selatan. Ini menyukarkan pihak kerajaan menjejaki dan membezakan antara kedua rakyat tersebut sehingga mereka agak bebas keluar masuk dari Sabah tanpa sebarang dokumen. Sikap tidak peduli pihak berkuasa Sabah dan praktik rasuah juga menyukarkan kawalan.<sup>21</sup> Kebanjiran pendatang asing ke Sabah menimbulkan banyak masalah kepada Malaysia, termasuklah masalah setinggian dan kos operasi menangkap dan menghantar pulang pendatang tersebut, masalah sosial dan peningkatan jenayah. Bagi Filipina, kedatangan pendatang ini tidak dianggap satu kebimbangan kepadanya, tetapi bagi Malaysia ia merupakan satu isu keselamatan, masalah sosial dan politik. Filipina tidak menganggap ini sebagai masalah mereka, tetapi Malaysia bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku

---

<sup>18</sup> Ibid. Hal 2-7

<sup>19</sup> Briefing oleh COMNAV Region 2, Kota Kinabalu 18 April 2006

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Ruhanas Harun, 'Re looking Sabah Security, New Straits Times, April 2007

di kawasan mereka.<sup>22</sup> Selain daripada kerjasama dua hala, terdapat juga kerangka pelbagai hala (multilateral) untuk menjamin keamanan kawasan tersebut iaitu melalui pembentukan kawasan pembangunan ekonomi (Brunei, Indonesia, Malaysia and Philippines East Asia Growth Area –BIMP-EAGA). Walau bagaimanapun BIMP-EAGA agak lembap pertumbuhannya. Di pihak Filipina, sambutan terhadap BIMP-EAGA agak dingin kerana ia dianggap tidak memberi kesan besar kepada kepentingan ekonomi dan pembangunan sosial negara tersebut.<sup>23</sup>

### **Isu dan Kerjasama Keselamatan Malaysia-Indonesia**

Hubungan keselamatan dan pertahanan antara Malaysia dan Indonesia dimulakan sebaik sahaja konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia tamat pada bulan Ogos 1966. Pada awalnya kerjasama keselamatan Malaysia-Indonesia tertumpu kepada menangani masalah ancaman keselamatan bersama yang datang daripada kumpulan komunis dan pemberontak. Satu perjanjian telah ditanda tangani pada bulan Mac 1967 bagi menghadapi ancaman komunis di sempadan Sarawak–Kalimantan yang sepanjang 2,110 km. Di sebelah sempadan Malaysia, bandar-bandar besar termasuklah Kuching, Sibul, Miri, Bintulu dan lain-lain, sementara Indonesia mempunyai bandar seperti Balikpapan, Pontianak dan Banjarmasin. Secara tradisinya rakyat kedua negara tersebut mempunyai hubungan rapat dari segi sosial dan ekonomi, terutama bagi mereka yang mendiami kawasan sempadan. Jalan darat utama yang menghubungkan kedua negara di sempadan Sarawak dan Kalimantan ialah Lubok Antu- Badau, Serikin-Jagoi Babang dan Tebedu-Entikong, kesemuanya digunakan untuk melintas perbatasan masing-masing. Oleh kerana terdapat banyak aktiviti ekonomi dan sosial yang berlaku di kawasan-kawasan ini, maka kerajaan Malaysia-Indonesia telah memberi tumpuan besar bagi membangunkan kawasan tersebut dan membantras ancaman komunis seperti yang terdapat dalam kerangka Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) yang merupakan konsep keselamatan yang berjaya dilaksanakan di Malaysia.

Untuk mengukuhkan lagi kerjasama keselamatan, maka pada bulan Julai 1971, Indonesia mencadangkan agar perjanjian 1967 diperluaskan skop dan tanggungjawabnya. Hasil perbincangan kedua negara melahirkan perjanjian keselamatan pada 1972 yang dikenali sebagai ‘Security Arrangement 1972 MALINDO’. Perjanjian ini memperuntukkan pembentukan General Border Committee (GBC MALINDO) yang menjadi forum perbincangan dua pihak mengenai operasi dan langkah ketenteraan menangani aktiviti komunis di sepanjang sempadan bersama. Bagi melicinkan kerjasama dan sesuai dengan penstrukturan semula Departemen Pertahanan dan Keselamatan Indonesia maka pada 1974 di tubuhkan Staff Planning Committee (SPC). SPC adalah badan tertinggi di bawah GBC MALINDO dan mempunyai tanggungjawab melaksanakan keputusan yang dibuat oleh GBC. Sesuai dengan keperluan membuat perubahan dan pembaharuan dari segi konsep dan operasi kerjasama keselamatan antara dua negara, maka satu ‘Security Arrangement 1984’ dipersetujui pada 3 Disember 1984. Namun peranan GBC sebagai badan bersama Malaysia-Indonesia yang bertanggungjawab terhadap usaha menjamin keselamatan di sempadan bersama tetap kekal dan perjanjian 1984 masih digunakan sehingga kini.

<sup>22</sup> Ibid.

<sup>23</sup> Perbincangan pengarang dengan Datuk Bandar Zamboanga, Mindanao, pada 20 April 2008.

Secara umumnya konsep keselamatan di Malaysia ialah gabungan antara kestabilan politik, keamanan dan pembangunan ekonomi. Berdasarkan kepada inilah maka kerjasama Malaysia-Indonesia di sempadan Sarawak-Kalimantan memberi tumpuan kepada isu-isu sosio ekonomi dan tidak terhad kepada hal-hal ketenteraan semata-mata. GBC MALINDO merupakan sebuah badan tetap yang bertanggungjawab mengenai hal keselamatan, termasuklah operasi ketenteraan terhadap musuh bersama di sempadan. Di antara masalah keselamatan yang dihadapi pada masa itu ialah pemberontakan komunis dan pemberontakan yang mengancam Sarawak dan Kalimantan. Operasi bersama yang dijalankan oleh Malaysia dan Indonesia dalam jangka masa beberapa tahun berjaya mengatasi masalah ini dan memberikan keselamatan kepada rakyat di kawasan sempadan dua negara.

Di antara badan-badan yang bertanggungjawab menyelaras operasi keselamatan ialah Jawatankuasa Kawalan Operasi Terkoordinasi (*Coordinated Operation Control Committee*—COCC) yang ditugaskan untuk menyelaras dan mengendalikan operasi bersama.<sup>24</sup> Di bawahnya terdapat TPOD (Tim Perancang Operasi Darat) yang bertanggungjawab untuk merancang operasi perbatasan di Sabah, Sarawak dan Kalimantan. Selain dari itu dibentuk juga Tim Perancang Operasi Laut (TPOL) yang merancang dan menyelaras rondaan di perairan Selat Melaka. Tim Perancang Operasi Udara (TPOU) bertanggungjawab bagi merancang dan menyelaras pertahanan udara di ruang Selat Melaka. Selain daripada tentera, kerjasama keselamatan MALINDO ini juga melibatkan polis. Ini terkandung dalam pembebenan Tim Perancang Operasi Kepolisian (TPOK) yang bertanggungjawab merancang rondaan dan keselamatan awam di sepanjang Selat Melaka, Sabah, Sarawak–Kalimantan. Selain daripada isu keselamatan sempadan darat, kerajaan kedua negara juga bimbang terhadap ancaman keselamatan maritim yang datang daripada aktiviti pelancongan dan penyeludupan, terutama sekali di Selat Melaka. Untuk tujuan ini, GBC membentuk satu Tim Perancang Operasi Maritim (TPOM) bagi membuat rondaan di perairan Selat Melaka. Selain daripada kerjasama dari segi operasi bersama, Malaysia dan Indonesia juga bekerjasama dalam pengumpulan dan pertukaran perisikan (intelligence) di sempadan kedua-dua negara melalui Tim Perancang Intelijen (TPI).

Seperti yang dijelaskan di atas, konsep keselamatan tidak terhad kepada isu-isu ketenteraan. Salah satu komponen keselamatan ialah pembangunan ekonomi seperti mana yang terkandung dalam dasar keselamatan Malaysia ‘KESBAN’ (Keselamatan dan Pembangunan). KESBAN merupakan satu konsep penting dalam keselamatan Malaysia yang berteraskan kepada pembangunan ekonomi sebagai alternatif kepada peperangan. Konsep ini diterapkan dalam misi Angkatan Tentera Malaysia dalam menangani masalah insurgensi komunis di negara ini. Dalam kerjasama keselamatan dengan Indonesia, aspek pembangunan ekonomi dan sosial diberi perhatian melalui pembentukan satu jawatankuasa sosio-ekonomi, iaitu Kelompok Kerja Sosio-Ekonomi (KK SOSEK). Aktiviti KK SOSEK bertujuan memajukan taraf hidup rakyat di sempadan Malaysia-Indonesia. Salah satu kegiatan di bawah program ini ialah penyambungan jalan desa antara Entikong di Kalimantan Barat ke Tebedu di Sarawak pada 1985.<sup>25</sup> Pada 1996,

---

<sup>24</sup> Donald Kasenda, *Hubungan Keselamatan dan Pertahanan Indonesia-Malaysia sejak era Suharto*. Unpublished dissertation, Universiti Malaya-Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia, 2007. Hal. 36.

<sup>25</sup> Ibid.

kegiatan SOSEK MALINDO ini diperluas kepada penyelarasan dan peraturan penduduk yang tinggal di sempadan dan usaha mencegah penyeludupan di sempadan.

Berdasarkan perjanjian antara kerajaan Malaysia dan Indonesia pada 12 Julai 2008, 14 laluan keluar masuk ke Indonesia dan Malaysia ditetapkan. Dari semua laluan ini, laluan Entikong-Tebedu (sempadan Kalimantan dan Sarawak) merupakan laluan yang paling sibuk. Namun penentuan laluan keluar masuk yang dipersetujui ini gagal membendung laluan haram yang dipanggil 'Jalan Tikus' dan 'Jalan Gajah' yang digunakan untuk menyeberangi sempadan. Mengikut Polis Diraja Malaysia, sehingga 2006, terdapat 25 laluan sah dan 96 laluan yang tidak didaftar. Walau bagaimana pun apabila ancaman komunis berakhir, tumpuan kerjasama ialah terhadap isu-isu sosio-ekonomi dan penyeludupan yang sehingga kini masih belum dapat diselesaikan. Masalah penghijrahan penduduk semakin serius apabila kerajaan Indonesia melaksanakan program 'transmigrasi' sejak 1970-an untuk meringankan beban penduduk di pulau Jawa dengan memindahkan penduduk ke Sumatra, Kalimantan, Sulawesi, Maluku dan Irian Jaya. Akibat pemindahan ini, terdapat masalah sosial, pertikaian mengenai pemilikan tanah dan konflik etnik antara pendatang baru dengan penduduk asal setempat. Kemasukan pendatang ke Sarawak dari Kalimantan Barat berlaku kerana Sarawak di anggap sebagai '*dream region*' bagi mereka kerana ekonomi yang maju, keselamatan terjamin, bersih dan pentadbiran yang baik.<sup>26</sup> Ini amat berbeza daripada Kalimantan Barat yang walaupun kaya dengan sumber asli, dianggap sebagai salah satu wilayah termiskin di Indonesia. Ini berlaku kerana governans yang buruk, pelaksanaan undang-undang yang tidak cekap dan korupsi yang berleluasa.

Kedua-dua negara bimbang mengenai dampak kegiatan di sempadan ini terhadap keselamatan wilayah dan penduduk. Bagi mempertingkatkan keadaan keselamatan beberapa bentuk kerjasama dilaksanakan terasuklah pembentukan pos kawalan sempadan bersama (*integrated border post*) yang diselia oleh anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Tentera Nasional Indonesia (TNI). Selain dari itu pertukaran anggota tentera untuk memudahkan kerjasama dan memahami satu sama lain. Pada 17 April 1992 ATM dan TNI/ABRI (semasa Order Baru dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membolehkan kedua pihak mengadakan latihan, pertukaran pegawai dan logistik. Dapat dikatakan bahawa kerjasama ini mendatangkan keamanan kepada penduduk di kawasan sempadan selain mengeratkan hubungan ketenteraan kedua negara. Keyakinan kerajaan Malaysia dan Indonesia terhadap kerjasama sebagai satu cara menjamin keselamatan kawasan sempadan bertambah dengan kedua negara bersetuju bekerjasama menentang semua bentuk jenayah termasuk keganasan.<sup>27</sup> Di masa yang sama Malaysia dan Indonesia mempunyai perjanjian mengenai keganasan yang merangkumi latihan bersama, *hotlines*, prosedur standard untuk 'Search and Rescue' dan perkongsian perisikan.

Selain daripada kerjasama sempadan darat, Malaysia-Indonesia juga berkerjasama dalam keselamatan maritim. Perjanjian bulan Disember 1992 di bawah GBC membolehkan kerjasama duahala dilaksanakan bagi membantras kegiatan haram di Selat Melaka. Selat ini yang panjangnya kira-kira 900km merupakan salah satu laluan perairan

---

<sup>26</sup> Briefing oleh PDRM kepada Maktab Turus Angkatan Tentera 14 April 2008. dipetik dalam 'Laporan EX-KAJIMATAN MTAT 2008, Hal 41.

<sup>27</sup> Ibid. hal 62

terpenting di dunia yang menghubungkan Eropah, Timur Tengah dan Asia-Pasifik bagi tujuan perdagangan antarabangsa. Kedudukan Selat Melaka sebagai laluan kapal yang amat penting menimbulkan beberapa masalah kepada Malaysia. Salah satu daripadanya ialah pencemaran laut yang datang daripada kapal-kapal yang membawa minyak, *solid waste*, *sewage* dan lain-lain bentuk pencemaran yang datang dari darat seperti kegiatan perindustrian. Kepentingan Selat Melaka dari segi ekonomi kepada negara-negara pesisir seperti Malaysia, Indonesia dan juga Singapura amat penting. Kebanyakan daripada pengeluaran minyak di Indonesia dihasilkan di Sumatera dan disalurkan ke *refineries* dan tangki di pelabuhan yang terletak di Selat Melaka. Jika Selat Melaka ditutup, ia akan menjejaskan pendapatan eksport Indonesia.<sup>28</sup> Ia juga akan menjejaskan penghantaran minyak ke Jepun dan secara tidak lansung memberi kesan negatif kepada rakan dagang Jepun iaitu Amerika Syarikat. Penutupan Selat Melaka juga akan menyebabkan ekonomi Singapura “*virtually shut*”.<sup>29</sup> Demikian juga ia akan menjejaskan ekonomi Malaysia yang bergantung besar kepada perdagangan antarabangsa dan perkaitan yang rapat dengan perdagangan jirannya Singapura.

Selain daripada aktiviti ekonomi dan perdagangan, Selat Melaka juga merupakan laluan menyeludup masuk ke Malaysia oleh pendatang dari Indonesia. Walau pun aktiviti pelanunan di Selat Melaka tidak begitu tinggi seperti di perairan Borneo dan Laut China Selatan, namun ia masih menjadi satu isu penting bagi keselamatan Malaysia.<sup>30</sup> Sejak akhir 1990-an, muncul satu bentuk pelanunan yang dinamakan sebagai ‘*kidnap for ransom*’ yang melibatkan kumpulan bersenjata merampas kapal dan menculik pemerintah kapal yang dijadikan orang tebusan dalam rundingan dengan pihak berkuasa.<sup>31</sup> Tren ini dapat dilihat dalam dua kejadian yang berlaku di Selat Melaka pada 2005. Dalam kejadian tersebut 35 orang yang bersenjata menculik kepten dan jurutera kanan kapal sebuah kapal Indonesia. Dalam kejadian lain sekumpulan lanun menculik tiga anak kapal sebuah kapal ‘*tugboat*’ yang didaftarkan di Jepun.<sup>32</sup> Berikutan daripada kejadian ini, dua negara pesisir iaitu Malaysia dan Indonesia melancarkan operasi menyelamat.

Kerjasama Malaysia dan Indonesia dalam hal keselamatan maritim bertujuan mengamankan Selat Melaka yang penting bagi kedua-dua negara. Selat Melaka memisahkan dua negara tersebut, tetapi dari segi sejarah, kebudayaan dan sentimen persaudaraan ia juga menjadi jambatan penghubung antara mereka. Di bawah GBC, Malaysia dan Indonesia bersetuju mengadakan kerjasama menyelaras aktiviti rondaan maritim di Selat Melaka di bawah TPOL dan TPOM. Kerajaan Malaysia dan Indonesia bekerjasama membantras kegiatan lanun dan penyeludupan melalui badan seperti Badan Koordinasi Keamanan Laut (BAKORKAMLA) di pihak Indonesia dan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim Malaysia (PPMP).<sup>33</sup> Operasi-operasi yang dijalankan termasuklah pencegahan penyeludupan, pendatang haram, pencemaran alam

<sup>28</sup> Mark Valencia, *Malaysia and the Law of the SEA*. Kuala Lumpur, ISIS 1991. hal. 14.

<sup>29</sup> Ibid.

<sup>30</sup> Lebih kurang 10,000 kapal melalui Selat Melaka setiap tahun dan 40% daripadanya adalah kapal yang membawa muatan yang menumpahkan minyak, *ballast water sewage and other solid waste*. Malacca Straits Research and Development Centre, <http://www.fass.upm.edu.my-masdec/web/straits.html>

<sup>31</sup> Mat Taib Yassin, ‘Enhancing Regional Cooperation :Managing Maritime Security Challenges’. ASEAN Navy Interaction Conference. Kota Kinabalu, July 4, 2003.

<sup>32</sup> Catherine Zara Raymond, ‘Piracy in Southeast Asia :New Trends , Issues and Responses’. Harvard Asia Quarterly. <http://www.Quarterly.com/content/view/30/1>

<sup>33</sup> PPPM ditukar menjadi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia –APMM

sekitar marin, pelanunan dan bantuan kemalangan. Agensi-agensi kerajaan terlibat di bawah Patroli Terkoordinasi antara Malaysia dan Indonesia (PATKOR-MALINDO) ialah TLDM, TNI-AL, PDRM, Polisi Republik Indonesia (POLRI) dan agensi sivil seperti Jabatan Kastam Malaysia dan Bea Cukai Indonesia.

Selain daripada kerjasama maritim, kedua-dua negara juga melaksanakan operasi Patroli Udara iaitu “*Eye in the Sky*” yang bertujuan meningkatkan keselamatan di Selat Melaka.<sup>34</sup> Operasi ini dilaksanakan oleh tiga negara yang mempunyai kepentingan besar di kawasan perairan tersebut iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Ia terbahagi kepada empat sektor bermula dari Singapura hinggalah ke Sabang di utara Sumatera. Amerika Syarikat telah menyatakan minatnya untuk mengambil bahagian, jika tidak pun mengambil alih penjagaan keselamatan dan keamanan Selat Melaka, tetapi hasrat ini tidak dipersetujui oleh Malaysia dan Indonesia, meskipun disokong oleh Singapura.

Secara keseluruhannya, kerjasama Malaysia-Indonesia dalam bidang keselamatan dan pertahanan amat rapat. Ia bermula sejak lama, iaitu setelah kejatuhan Sukarno dan bermula kepimpinan Presiden Suharto di Republik pada 1966. Kerjasama ini membawa kepada pembentukan GBC yang banyak memainkan peranan dalam mengurus, menyelaras dan mengatur operasi dan pelaksanaan kerjasama ini. Ia di tingkatkan dari masa kesemasa melalui pembentukan beberap badan dan jawatankuasa kerja bagi menangani isu-isu yang timbul pada masa-masa tertentu. Ia juga merangkumi pelbagai peringkat kerjasama dalam bentuk formal, sama ada di Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pertahanan. Di peringkat Kementerian Luar misalnya terbentuk pada bulan Julai 1991 Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia (Joint-Commission) untuk peningkatan kerjasama duahala dan mengendalikn masalah dalam hubungan dua hala. Pada masa ini hubungan duahala Malaysia-Indonesia mengalami keretakan akibat beberapa isu misalnya isu Ambalat sejak 2005, PATI, tenaga kerja Indonesia (TKI) dan isu kebudayaan. Penyelesaian muktamad kepada isu-isu ini menjadi semakin rumit dan langkah-langkah mengelak daripada ia menjadi lebih meruncing dalam hubungan duahala dilakukan secara laluan diplomatik dan rundingan.

## **Hubungan Kerjasama Keselamatan Malaysia-Thailand**

Hubungan Malaysia-Thailand dianggap baik dan harmonis dibandingkan dengan hubungan dengan negara-negara jiran lain seperti Indonesia dan Singapura di mana berlaku pertelingkahan secara terbuka, kadangkal meruncing. Hubungan baik Malaysia, Thai disebabkan tidak banyak isu yang membawa kepada pertikaian antara mereka dan juga kecenderungan kedua-dua pihak untuk menyelesaikan sebarang masalah melalui cara diplomasi dan kerjasama. Satu-satunya isu politik yang boleh memberi kesan yang signifikan kepada hubungan mereka ialah masalah selatan Thailand. Walau bagaimanapun sejak tahun 1976 apabila Tun Hussein Onn mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur menyatakan bahawa isu selatan Thailand adalah hal dalaman negara tersebut dan Malaysia tidak akan campurtangan meskipun rakyat selatan Thailand mempunyai persamaan bahasa, agama dan linguistik dengan sebahagian besar rakyat Malaysia. Malaysia juga mengakui hakikat sejarah bahawa

<sup>34</sup> Mayor Donald Kasenda SIP. *EX-KAJIMATAN Report2007*, Maktab Turus Angkatan Tentera, Kuala Lumpur. HAL. 39



selatan Thailand telah berada di bawah pemerintahan Bangkok sejak abad ke 18 dan dikuatkan lagi dengan perjanjian Anglo-Thai pada 1909. Selain daripada itu kerajaan Malaysia dan Thailand menghadapi musuh bersama iaitu insurgensi komunis sejak tamat Perang Dunia Kedua. Apabila insurgensi ini tamat dengan termetrai perjanjian damai 1989 antara Kerajaan Malaysia dan Parti Komunis Malaya, hubungan kerjasama keselamatan tetap diteruskan bagi menangani isu-isu keselamatan lain. Hubungan ini diperluaskan kepada kerjasama ekonomi kawasan sempadan sebagai satu mekanisme pengukuhan keselamatan kawasan sempadan. Walau bagaimana pun isu selatan Thailand terus menyebabkan ketidakstabilan politik yang memberi implikasi kepada keadaan keselamatan negeri-negeri Utara Malaysia yang bersempadan dengan Thailand.

### **Ancaman keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand**

Tiga negeri di Malaysia yang mempunyai sempadan darat secara langsung dengan Malaysia ialah Kelantan, Kedah dan Perlis. Sempadan Kelantan-Thailand adalah sepanjang 32 km dari Pengkalan Kubur di Jajahan Tumpat hingga Kampung Bagus di Rantau Panjang.<sup>35</sup> Kawasan sempadan ini mempunyai jalan-jalan penyeludupan utama seperti di Sungai Golok, Jeli dan Bukit Bunga. Di Kedah pula ia melalui Bukit Kayu Hitam dan Danok sementara di Perlis melalui Wan Kelian, Padang Besar dan Lubok Sireh. Barangan yang diseludup termasuk beras, artifak, buah-buahan, tekstil, alkohol, tembakau, ubat-ubatan, dadah dan alat ganti kenderaan yang dibawa masuk ke Malaysia. Penyeludupan dadah dan senjata, pendatang tanpa izin dan pelaraian yang menjadi kebimbangan besar bagi Malaysia dan memerlukan kerjasama kerajaan Thailand bagi menanganinya. Dalam menangani masalah-masalah tersebut, Malaysia juga amat berhati-hati kerana terpaksa menjaga hubungan baik dengan Bangkok, di masa yang sama perlu menjaga kepentingan negara sendiri. Walau bagaimana pun sehingga kini tidak ada pertelingkahan secara terbuka antara kedua-dua negara. Ini berlaku kerana terdapat persefahaman bahawa sebarang masalah perlu diselesai secara aman. Mekanisme yang penting ialah kerjasama sempadan antara kedua negara di bawah Jawatankuasa Bersama. Selain daripada itu pada 1992, kedua-dua negara telah menandatangani perjanjian mengenai limitasi operasi rentas sempadan yang dibenarkan kepada tentera dalam menjalankan tugas mereka.

### **Kerjasama Malaysia-Thailand Dalam Membendung Ancaman Komunis**

Hubungan politik yang baik antara Bangkok dan Kuala Lumpur membantu meneruskan kerjasama walau pun terdapat rasa tidak puas hati Malaysia keatas sesetengah tindakan negara Thailand mengenai isu-isu tertentu. Ini dianggap penting kerana ancaman komunis merupakan ancaman secara lansung terhadap keselamatan negara Malaysia kerana kedudukannya yang bersempadan darat dengan Thailand yang memungkinkan CPM bergerak merentasi sempadan dua negara. Dalam hal ini Malaysia mendapat kerjasama penuh kerajaan Thai kerana ancaman ini adalah kepada kedua negara. Terdapat beberapa siri perjanjian sejak 1949 hingga masakini. Pada 1948 diadakan

---

<sup>35</sup> Laporan EX-KAJIMATAN Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia, 2007, hal 9.

“*Thailand–Malayan frontier Agreement on ‘CPM’* di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand. PKM telah berundur ke Selatan Thailand pada 1959 berikutan perang menentang insurgensi di Malaysia dan apabila perbincangan antara kerajaan Malaysia dan PKM di Baling pada 28 dan 29 Disember 1955 gagal. Chin Peng telah membawa saki-baki anggotanya seramai 400-500 orang ke Selatan Thailand dan menempatkan Rejimen ke-8 di Sadao, Rejimen ke-10 di Waeng dan Rejimen ke-12 di Betong. Penempatan kumpulan-kumpulan ini di luar Malaysia (Selatan Thailand) menyukarkan kerajaan Malaysia melancarkan gerakan menentang mereka tanpa kerjasama kerajaan Thailand.

Untuk membolehkan kerjasama menentang insurgensi komunis, satu Perjanjian Operasi Sempadan menentang pengganas komunis antara Thailand dan Malaysia di tanda tangani pada 1959. Ini diikuti oleh Perjanjian Kerjasama Sempadan (*General Border Agreement- GBA*) pada 1965 yang ditanda tangani oleh Tun Dr Ismail, Menteri Dalam Negeri ketika itu bagi pihak Malaysia dan Dawee Chullasapa selaku Menteri Dalam Negeri Thailand. GBA kemudiannya disusun semula pada 1977 dengan pembentukan ‘*General Border Committee*’ (GBC). GBC mempunyai pengerusi bersama, iaitu Menteri Pertahanan kedua negara. Operasi dan pelaksanaan tugas yang diarahkan oleh GBC dilaksanakan oleh ‘*Regional Border Committee*’ (RGBC). Diantara tugas GBC ialah membanteras jenayah rentas sempadan dan keganasan antarabangsa yang memberi kesan kepada keselamatan dan pembangunan ekonomi kawasan sempadan. Kerjasama duahala dari segi kepentingan keselamatan bertujuan, seperti yang terkandung dalam pernyataan GBC ialah “*to keep maintaining the present peaceful, secure and stable condition of the border area by further strengthening cooperation and coordination to<sup>36</sup> combat illegal activities and other transnational crimes between the authorities of both countries*”. Kerjasama ini secara keseluruhannya berjaya seperti yang dinyatakan oleh Menteri Luar Thailand pada masa itu iaitu Dr Surakiart Sathirathai.<sup>37</sup> Satu perjanjian baru kerjasama keselamatan sempadan antara Malaysia dan Thailand ditandatangani pada 18 Mei 2000 oleh Dato’ Seri Najib Tun Razak sebagai Menteri Pertahanan dan Chuan Leekpai, Menteri Pertahanan Thailand.

Disebalik ‘*goodwill*’ kedua-dua negara dalam kerjasama menentang kegiatan PKM di sempadan, terdapat juga beberapa masalah dari segi pelaksanaan. Operasi bersama telah dijalankan bermula awal tahun 1974 terpaksa diberhentikan pada pertengahan tahun 1976 kerana penduduk Betong bertindak menyokong PKM dan mengadakan tunjuk perasaan membantah kehadiran pasukan keselamatan Malaysia di wilayah Thailand. Ini menyebabkan kerajaan Malaysia mengarahkan semua pasukan keselamatannya yang berada di Selatan Thailand berundur. Tetapi setelah diadakan rundingan, kerajaan Thailand bersetuju membenarkan operasi gabungan di teruskan menjelang Januari 1977 di kawasan Sado, Betong dan Waeng sehingga tahun 1981. Operasi tersebut melibatkan sejumlah 22 batalion pasukan infantri dan pecahan penglibatan ialah 80% Malaysia dan 20% pasukan keselamatan Thailand. Antara operasi yang dijalankan ialah Operasi DAOYAH MUSNAH I & II di Sado (14 Januari 1977- 19 April 1977), OPERASI CAHAYA BENA di Betong (4 Julai 1977-16 Ogos 1977 I & II OPERASI SELAMAT SAWADEE di Betong di Thailand, Kroh, Banding di Malaysia (24 April 1978- 5 Julai 1980), dan Operasi THAMAL di Sadao, Air Jernih dan Hutan

<sup>36</sup> Dokumen Rasmi ‘Progress Report on the High Level Committee’ GBC ke 43, 22.5.2003, Kuala Lumpur, hal 2.

<sup>37</sup> *New Straits Times*, 1 July 2004.

Simpan Koh Mai (Disember 1980-21 Januari 1981).<sup>38</sup> Operasi menentang gerakan komunis ini tamat dengan termetrai perjanjian damai antara PKM dan Malaysia pada 2 Disember 1989 bertempat di Hatyai, Thailand.

Kerjasama keselamatan duahala diteruskan melalui latihan tentera dan pertukaran pegawai. Antara latihan bersama dari segi ketenteraan yang dijalankan ialah LAND THAMAL, SEAEX THAMAL dan AIR THAMAL. LAND THAMAL ialah latihan bersama Tentera Darat kedua negara yang diadakan 2 kali setahun, sementara SEAEX THAMAL melibatkan Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Thailand dan Polis Marin di perairan Satun/ Perlis dan Narathiwat/ Kelantan, juga diadakan 2 kali setahun di mana Malaysia dan Thailand secara bergilir-gilir menjadi tuan rumah. Latihan AIR THAMAL walau bagaimana pun hanya diadakan setiap tiga tahun sekali kerana ia memerlukan perbelanjaan yang besar.<sup>39</sup> Selain daripada latihan-latihan tersebut, hubungan keselamatan duahala ini juga meliputi pertukaran maklumat dan laporan perisikan mengenai ancaman keselamatan yang mengaitkan kedua-dua negara. Ini berlaku misalnya dalam usaha menangkap pemimpin Al Arqam, Muhammad Ashaari yang ditangkap di negara Thailand pada September 1994 dan diserahkan kepada kerajaan Malaysia. Pertukaran latihan pegawai tentera juga diadakan. Thailand menghantar pegawai tenteranya mengikut latihan di Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia sejak tahun 1974.

### **Isu Selatan Thailand Dalam Hubungan Kerjasama Keselamatan Dua Hala**

Malaysia dan Thailand juga bekerjasama menghadapi masalah keselamatan yang timbul dari kegiatan kumpulan pemisah di selatan Thailand, terutama mengenai isu PULO (Pattani United Liberation Organisation). Malaysia menyatakan kesediaannya membantu kerajaan Thailand dalam usaha memperbaiki keadaan di Selatan Thailand. Tetapi isu ini adalah sensitif dalam hubungan kedua negara dan perlu ditangani secara berhati-hati. Rundingan-rundingan diadakan antara kedua negara untuk menghadapi ancaman keselamatan dan mengelak daripada melakukan tindakan yang boleh menyinggung perasaan mereka. Oleh itu kerajaan Malaysia mengambil langkah yang sewajar dalam hal ini. Pada 11 Julai 1981, Tentera Darat Malaysia telah mengeluarkan beberapa arahan PTD/226 seperti berikut:

- i- Pasukan Keselamatan Malaysia (PK) tidak dibenarkan terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan anggota PULO
- ii- Apabila bertembung dengan anggota PULO di kawasan gerakan, PK hendaklah memberi arahan supaya mereka meninggalkan kawasan tersebut,
- iii- Jika mereka enggan berbuat demikian tindakan ketenteraan hendaklah diambil,
- iv- Apabila mengambil tindakan di atas, PK hendaklah mengambil langkah yang perlu ,

<sup>38</sup> Markas Tentera Darat, 'Tentera Darat Menentang Insurgensi Komunis 1968-1989, hal. 151 dipetik dalam Noor Zukhi Harun, *Isu-Isu dan Kerjasama Keselamatan Malaysia-Thailand*, Kertas Projek, Universiti Malaya-MTAT 2002 hal 50. (tidak diterbitkan)

<sup>39</sup> Ibid,hal 52

- v- Apabila ada PULO yang menyerah diri, PK hendaklah melucutkan senjata mereka dan kawal mereka di satu tempat yang jauh dari pandangan orang ramai sehingga mendapat arahan dari pihak atasan
- vi- Anggota PULO yang menyerah diri mestilah diserahkan kepada pihak polis.<sup>40</sup>

Walaupun isu gerakan pemisah dan isu selatan Thailand secara umumnya merupakan perkara sensitif dalam hubungan Malaysia-Thailand, kedua-dua negara telah dapat melaksanakan kerjasama dengan baik dan menyelesaikan masalah di meja rundingan terutama dalam mesyuarat GBC yang diadakan setahun sekali. Kerumitan hubungan duahala akibat keadaan di selatan Thailand dapat dilihat apabila pada 31 Ogos 2005, seramai 131 orang penduduk selatan Thailand menyelamatkan diri dari keganasan tentera Thai telah melarikan diri ke Malaysia. Kerajaan Thai meminta Malaysia menyerahkan mereka, tetapi menurut Menteri Luar pada masa itu Datuk Seri Syed Hamid Albar, kerajaan Malaysia tetap memberi perlindungan atas dasar “Malaysia mempunyai tanggungjawab bahawa kesemua pelarian ini perlu dilindungi atas nama keadilan dan kemanusiaan” dan menganggap tindakan tersebut sebagai wajar.<sup>41</sup>

### **Pengurusan Sempadan Malaysia- Thailand Dan Impliksi Keselamatan**

Sempadan Malaysia–Thailand bermula dari Batu Putih di utara Kuala Perlis hingga ke Kuala Sungai Golok/Takbai di Kelantan yang panjangnya sejauh 646.5km yang mana 551.5km adalah sempadan darat dan 95km berpandukan aliran Sungai Golok. Kuala Lumpur dan Bangkok telah menanda tangani 11 MoU bermula dengan perjanjian persefahaman pada 8 September 1972 untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran dan penandaan batu sempadan di darat yang dapat disiapkan pada September 1985, walaupun terdapat 8.5km yang masih belum dipersetujui.<sup>42</sup> Pada asasnya hubungan keselamatan antara kedua negara baik, walaupun terdapat pertikaian dari segi menentukan kordinat sempadan tetap untuk mengelak perubahan kedudukan sempadan. Ketidaktentuan ini menyebabkan berlaku kemasukan pihak berkuasa Thai ke kawasan Malaysia dalam usaha mencegah penyeludupan. Untuk mengelak daripada kejadian ini berulang, maka kerajaan Malaysia telah membina tembok di sepanjang 37.8 km sempadan bersama. Ini menimbulkan protes dari Bangkok. Namun pembinaan tembok tersebut difikirkan perlu bagi Malaysia untuk membantu mengurangkan aktiviti penyeludupan, kemasukan pendatang haram dan pengedaran dadah. Penyelesaian kepada masalah-masalah keselamatan bukan tradisional di sempadan Malaysia-Thai memerlukan kerjasama kerajaan Thailand kerana aktiviti-aktiviti ini dijalankan melalui kawasan Thailand. Di antara aktiviti yang dianggap paling serius oleh kerajaan Malaysia ialah penyeludupan senjata api dan dadah kerana kedua-dua barangan ini mudah didapati di Thailand. Untuk membantras kegiatan ini Malaysia telah menubuhkan Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dipihaknya yang dianggotai oleh PDRM, Jabatan Kastam dan Jabatan Imigresen dan ditempatkan di kawasan sempadan di sebelah Malaysia.

<sup>40</sup> Ibid, hal 21.

<sup>41</sup> *Utusan Malaysia*, 3 September 2005

<sup>42</sup> Ibid, hal 24.

Bagi tujuan memantau dan mengurus kawasan sempadan, Malaysia dan Thailand membentuk beberapa jawatankuasa bersama. Ini termasuklah operasi di bawah 'General Border Committee' yang dipersetujui pada 1989 melalui Perjanjian mengenai Kerjasama Sempadan. Jawatankuasa ini mempunyai pengerusi bersama (Joint Chairman) dan dianggotai oleh ahli yang dilantik oleh kerajaan masing-masing. Selain daripada GBC, RBC, Malaysia dan Thailand juga bersetuju bekerjasama melalui (Combined Intelligence Committee-CIC). Agensi kerajaan Malaysia yang terlibat termasuk Angkatan Tentera Malaysia dan PDRM. Kawasan sempadan Malaysia Thailand terletak di bawah tanggungjawab Divisyen 2 Infantri Malaysia yang tugasnya meliputi Kedah, Kelantan Perak dan Perlis. Pihak tentera ditugaskan untuk membantu pihak berkuasa awam dalam membendung kegiatan penyeludupan. Selain daripada itu PDRM juga diberi tugas menjaga pos kawalan dan pintu masuk ke negara ini dan diberi kuasa menangkap penjenayah penyeludupan. Agensi lain yang mengambil bahagian dalam pengurusan sempadan ialah UPP-Unit Pencegahan Penyeludupan, Jabatan Immigresen, Kementerian Hal Ehwal Pengguna.

Selain daripada kegiatan penyeludupan, keselamatan Malaysia juga diancam oleh kebanjiran pendatang tanpa izin. Pendatang dari Thailand, walaupun tidak seramai mereka yang berasal dari Indonesia menimbulkan kebimbangan kerana isu-isu sosial yang lahir daripada masalah ini. Terdapat penempatan setinggian yang diwujudkan oleh mereka di kawasan sempadan seperti di Kelantan, Perlis, Perak dan Kedah. Kehadiran mereka di kawasan Malaysia menyebabkan beban besar kepada prasarana seperti hospital dan sekolah. Juga peningkatan penyakit berjangkit seperti batuk kering, penyakit kelamin, kusta dan lain-lain penyakit mudah berjangkit yang dibawa masuk ke negara ini. Selain daripada masalah penyakit berjangkit, kemasukan pendatang juga merugikan kerajaan dari segi kewangan kerana kegagalan mengutip levi daripada mereka yang bekerja dan penghantaran wang pendapatan ke negara asal mereka. Kesan keselamatan kepada rakyat Malaysia juga membimbangkan memandangkan kehadiran PATI membabitkan kegiatan jenayah seperti penyeludupan senjata, penipuan, kumpulan haram dan gangsterism yang boleh membuat rakyat tempatan tertekan.<sup>43</sup>

Pencerobohan Nelayan Thailand di perairan Malaysia juga merupakan satu isu dalam hubungan mereka, walaupun ini tidak dapat dianggap sebagai sesuatu yang serius seperti ancaman komunis dan penyeludupan. Namun Malaysia dan Thailand mengadakan kerjasama menyelesaikan isu ini supaya ia tidak menjadi masalah dalam hubungan duahala. Kerjasama duahala ini terangkum dalam usaha menangani sebarang masalah yang timbul yang boleh melibatkan kemerosotan hubungan duahala dan menimbulkan masalah kepada kesejahteraan rakyat negara ini. Jabatan Perikanan, PDRM dan TLDM adalah antara agensi kerajaan Malaysia yang terlibat dalam penguatkuasaan dan operasi membendung masalah pencerobohan perikanan di kawasan perairan negara. Di peringkat duahala, terdapat rondaan bersama antara TLDM, PDRM dan Royal Thai Navy dan Royal Thai Marine Police. Tentera Laut Diraja Thai (RTN) dan TLDM mempunyai hubungan yang baik demi menjaga kepentingan bersama di laut. Mereka telah mengadakan rondaan bersama di Teluk Siam dan laut Andaman bagi membendung kegiatan penyeludupan senjata dan jenayah lain di laut. Malaysia dan Thailand menandatangani perjanjian berkaitan dengan sempadan wilayah laut kedua negara (Selat Melaka dan Teluk Siam) pada 1979 dan berkuatkuasa pada Julai 1982. Dalam kes-kes tertentu

---

<sup>43</sup> Ibid, hal 38.

yang menimbulkan masalah kepada hubungan mereka, ia diselesaikan secara saluran diplomatik.<sup>44</sup> Dalam menangani masalah keselamatan bersama dan mengukuhkan kerjasama, Malaysia dan Thailand memilih konsep rundingan dan melibatkan banyak agensi untuk mengatasi sebarang masalah. Persefahaman dan keperluan menyelesaikan isu secara rundingan ini menyebabkan hubungan Malaysia–Thailand, terutama yang menyentuh isu keselamatan dapat mengelak daripada pertembungan terbuka

## Kesimpulan

Sebagai negara yang terletak ditengah-tengah Asia Tenggara dan mempunyai sempadan darat dan maritim dengan negara-negara berjiran, Malaysia memerlukan dasar luar dan keselamatan yang boleh menjaga kepentingannya dan di masa yang sama menjaga hubungan baik dengan jiran-jirannya. Untuk mencapai tujuan ini Malaysia bukan sahaja memerlukan diplomasi yang cekap, tetapi juga perlu dimantapkan dengan kemampuan pertahanan dan keselamatan untuk mencegah ancaman terhadap negara. Dalam hubungan keselamatan antara tiga negara jiran yang dibincangkan, terdapat isu dan cara menangani yang berbeza. Walaupun Malaysia-Indonesia mempunyai hubungan rapat dari segi sosial, budaya, etnik, malah agama, masih terdapat jurang politik, kepentingan ekonomi dan keselamatan yang memisahkan mereka. Indonesia sebagai sebuah negara terbesar di Asia Tenggara masih mempunyai cita-cita besar dan keinginan mahu dihormati yang dimanifestasi dalam pelbagai bentuk dan cara. Tindak tanduk Indonesia memperlihatkan sikap sebuah negara yang tidak menganggap Malaysia sebagai rakan semulajadi (*natural partner*). Semasa Perang Dingin, terdapat persepsi ancaman yang sama dan kemahuan politik untuk membendung ancaman tersebut. Tetapi dalam era globalisasi pasca Perang Dingin, jurang perbezaan semakin ketara dengan munculnya beberapa isu yang masih tidak dapat diselesaikan seperti Ambalat PATI, TKI dan lain-lain. Namun secara keseluruhannya, kedua-dua negara terus mengekalkan hubungan keselamatan yang rapat, terutama melalui hubungan baik antara Angkatan Tentera mereka.

Kerjasama keselamatan antara Malaysia dan Filipina berdasarkan kepada kepentingan bersama, terutama di kawasan perairan Borneo dan kemasukan rakyat Filipina ke Sabah. Walaupun masih terdapat masalah seperti kebanjiran rakyat Filipina di Sabah, kedua-dua negara tidak mempunyai masalah besar yang menghambat hubungan mereka. Sikap yang ditunjukkan oleh Filipina selama ini ialah memberi kerjasama kepada Malaysia dan mengakui adanya isu-isu yang memerlukan kerjasama dua hala. Keselamatan bersama menjadi prinsip utama dalam hubungan mereka. Begitu juga dengan negeri Thai yang melihat kepentingan keselamatan mereka lebih terjamin melalui pengekalan hubungan baik dengan Malaysia.

Isu-isu keselamatan yang disebut di atas merupakan cabaran keselamatan dan politik yang harus ditangani oleh kerajaan Malaysia. Setakat ini ia dilakukan dalam kerangka duahala antaranya dengan negara-negara terlibat yang menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi berbanding dengan perlaksanaan dalam bentuk pelbagai hala. Ini logik kerana secara umumnya amat berhati-hati mengenai isu-isu yang berkaitan

<sup>44</sup> Sebagai contoh pada 6 September 1995 kapal TLDM, KD MUSTARI tertembak dua nelayan Thailand yang menceroboh perairan Malaysia, walau pun mereka diberi amaran berhenti. Insiden ini menimbulkan ketegangan antara kedua negara. Menteri Pertahanan Malaysia mempertahankan tindakan TLDM sebagai tindakan yang betul. Ketegangan ini dapat dibendung dan diselesaikan secara diplomatik.

dengan keselamatan dan hanya mengadakan kerjasama jika mereka mempunyai sikap saling percaya mempercayai. Kerjasama keselamatan antara Malaysia dan jiran-jirannya Indonesia, Filipina dan Thailand menunjukkan keyakinan dan kepercayaan bahawa masalah utama lebih cepat diselesaikan secara dua hala. Ini ditambah pula dengan ketiadaan mekanisme yang berkesan di peringkat serantau atau ASEAN untuk menangani hal-hal tersebut. Tambahan pula ASEAN masih mengekalkan pendiriannya yang ‘tidak campurtangan dalam hal ehwal negara anggota.’ Jadi dalam ketiadaan mekanisme pelbagai hala yang lebih berkesan bagi menangani isu-isu keselamatan antara negara berjiran, maka praktik dan tradisi pengukuhan kerjasama duahala akan diteruskan.

## Rujukan

- Buzan, Barry, *People, State and Fear. The National Security Problem in International Relations*, Wheatsheaf , Great Britain 1983
- Hanizah Idris & Ruhanas Harun, 'Malaysia As a Maritime Situation', *JATI* 2004.
- Kasenda, Donald SIP. Hubungan Indonesia-Malaysia sejak Orde Baru. Thesis (tidak diterbitkan), MTAT, 2007
- KESBAN Report, EX-KAJIMATAN 35/ 2006, Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia
- Kitti Rattanachaya (General Dato'), *The Communist Party of Malaya, Malaysia and Thailand*. Bangkok, Duangkaew Publishing House,1996
- Kusuma Snitwongse & Suchit Bungbongkarn 'New Security Issues and the Impact on ASEAN' dlm. Sharon Siddque & Sree Kumar (eds) *The 2nd ASEAN Reader*, Singapore, ISEAS 2003
- Leifer, Michael, Is ASEAN a Security Organisation? Dlm Sharon Siddique & Sree Kumar (penyt) *The 2nd ASEAN Reader*, ISEAS, Singapore 2003
- Mat Taib Yassin 'Enhancing Regional Cooperation :Managing Maritime Security Challenges'. ASEAN Navy Interaction Conference paper, Kota Kinabalu July 4, 2003
- Mustafa Kamal Wahab, *Major Issues in Malaysia-Indonesia Relations in post reformasi era*. Unpublished MA Thesis, UKM 2008
- Muthiah Alagappa, *The National Security of Developing States.Lessons from Thailand*. Massachusetts Auburn House,1987
- National Defence Policy Report 2003, Mindef, Kuala Lumpur
- New Straits Times 1 July 2004
- NEW Straits Times 10 Sept. 2009
- New Straits Times, April 2007
- Noor Zukhi Harun. Isu-Isu dan Kerjasama Keselamatan Malaysia-Thailand. Kertas Projek (tidak diterbitkan) MTAT 2002
- Raymond, Catherine Zara,'Piracy in Southeast Asia :New Trends . Issues and Responses' Harvard Asia Quarterly. <http://www.Quarterly.com/cotnent/view/30/1>
- Report, EX-KAJIMATAN , Maktab Turus Angkatan Tentera, 2008.
- Report, EX-KAJIMATAN, Maktab Turus Angkatan Tentera, 2006
- Report, EX-KAJIMATAN, Maktab Turus Angkatan Tentera, 2007



Ruhanas Harun, (penyt), *Malaysia's Foreign Relations*, Universiti Malaya Press, Kuala Lumpur 2006.

Ruhanas Harun, 'The Evolution and Development of Malaysia's National Security' dlm. Abdul Razak Baginda, *Malaysia's Defence and Security since 1957*. Kuala Lumpur, MSRC, 2009.

Stares, Paul (ed.) *The New Security Agenda. A Global Survey*, Tokyo, JCIE 1998

The Star 19 October 2009

The Star 20 October 2009

Utusan Malaysia 3 September 2005

Valencia, Mark, *Malaysia and the Law of the Sea*, Kuala Lumpur, ISIS 1991.

Wolfers, Arnold, *Discord and Collaboration. Essays on International Politics*. John Hopkins Press, Baltimore 1962

Zamri Hashim, *Pengurusan Sempadan Malaysia-Thai*. MA Thesis, (tidak diterbitkan) Universiti Malaya, 2008